
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2012/2013

Januari 2013

SPW206 – Falsafah Politik

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** daripada soalan-soalan di bawah. Setiap soalan membawa 100 markah

Sila berikan jawapan anda dalam TIGA buku jawapan yang berbeza

1. Melalui analisis bandingan, bincangkan pandangan ahli falsafah politik berkaitan dimensi demokrasi dengan autoritarian.
[100 markah]

2. Mengapakah etika dan politik tidak seharusnya dipisahkan? Haruskah nilai-nilai kemanusiaan menjadi tonggak (prinsip asas) politik sesebuah negara?
[100 markah]

3. Pilih salah seorang pemikir politik yang anda kenali dan huraikan secara kritis ciri-ciri utama pemikiran politik beliau.
[100 markah]

4. Apakah yang dimaksudkan dengan Liberalisme Klasik, Liberalisme Moden dan Liberalisme Baru (*Neoliberalism*)? Bincang dan bandingkan dengan mendalam tiga (3) perbezaan andaian Liberalisme Klasik dengan Liberalisme Moden dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai manifestasi perbezaan tersebut di dalam sistem politik dan sistem ekonomi.
[100 markah]

5. Maududi di dalam karya-karyanya telah menghuraikan konsep "negara Islam" dan orde politik Islam. Bincangkan tiga ciri negara Islam dan jelaskan peranan perbadanan Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman dalam sebuah negara Islam mengikut pandangan Maududi. Pada pendapat anda bolehkah sebuah negara Islam wujud? Berikan hujah anda secara kritis.
[100 markah]

6. Apa itu Perlembagaan? Bincangkan elemen hak dalam Perlembagaan berteraskan kepada kerangka jalinan kemuafakatan yang dibina dalam konteks negara Malaysia.
[100 markah]